

29 JUN 1997

Sanusi-Terbang

SANUSI SAMBUT BAIK KEPUTUSAN BERHUBUNG LAPANGAN TERBANG DI KEDAH

LANGKAWI, 29 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid menyambut baik keputusan Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan cadangan projek lapangan terbang antarabangsa ketiga bagi wilayah utara di negeri Kedah.

Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangkunya Datuk Seri Anwar Ibrahim atas sokongan kuat untuk menjayakan lapangan terbang itu, katanya.

Ini menunjukkan petanda baik kerana Kedah akan mempunyai dua buah lapangan terbang bertaraf antarabangsa termasuk satu yang ada di Langkawi, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agong Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi (KPD) di sini, hari ini.

Semalam Anwar mengesahkan lapangan terbang itu akan dibina di Kedah.

Sebelum ini Kerajaan Pulau Pinang telah meminta kerajaan pusat mengkaji semula projek itu memandangkan ia lebih sesuai dilaksanakan di Pulau Pinang.

Sebelum itu, Sanusi berkata "Kampung Buku" di Langkawi yang dibangunkan di Lubuk Semilang akan menjadi perkampungan unik dengan ciri-ciri menarik yang mempunyai perbezaan dengan kampung-kampung buku di dunia.

Kampung itu dibangunkan di kawasan kaki gunung dengan air terjun dan di kiri kanan mempunyai sungai yang akan menarik minat pelawat berkunjung apabila dibuka pada November ini, katanya.

Dr. Mahathir akan merasmikan kampung buku itu yang merupakan yang ketujuh didaftar di dunia. Dengan adanya kampung buku itu Langkawi akan diperkenalkan di seluruh dunia menerusi iklan melalui kerjasama antara perkampungan itu, katanya.

Sebuah pusat pengedaran buku Asia akan diwujudkan di luar kampung itu untuk membolehkan pengedar buku membuka pejabat mereka di kawasan berkenaan, katanya.

Beliau sebelum ini mengetuai satu rombongan yang terdiri daripada pegawai terbabit dengan kampung itu ke Eropah baru-baru ini untuk melihat pengendalian kampung buku di Belgium dan di Wales.

Sanusi juga mengajak rakyat Kedah memberi sokongan kepada projek-projek yang dilaksanakan yang memberi manfaat kepada mereka.

"Ada pihak tertentu mahu satu-satu projek yang dilaksanakan tidak berjaya dengan menabur fitnah untuk menggagalkan projek itu," katanya. --
BERNAMA.

ZI PR